

**Pelajar Malaysia Dapat Pendidikan Lebih Baik Berbanding Pelajar Barat -
Muhyiddin
Bernama
31 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Generasi muda negara ini mendapat pendidikan yang lebih baik berbanding pelajar di Amerika Syarikat, Britain dan Jerman, menurut Laporan Daya Saing Global 2011/2012 yang dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata daripada segi kualiti pendidikan, Malaysia di tangga ke-14 keseluruhan dan di tempat kedua selepas Singapura dalam kalangan negara Asean.

"Ini adalah satu pencapaian yang amat membanggakan kita. Sudah pasti kejayaan ini adalah hasil usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dan rakyat dalam meningkatkan kualiti pendidikan, kualiti modal insan dan daya saing negara.

"Saya yakin dan percaya dengan adanya usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara dan kualiti modal insan yang dilahirkan, kita akan dapat meningkatkan lagi kedudukan negara kita dalam indeks daya saing global pada masa akan datang," katanya ketika berucap pada majlis penutup Karnival Pengajian Tinggi Negara 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata sektor pengajian tinggi adalah pemangkin kepada usaha melahirkan rakyat yang mampu menjana kemajuan dan pembangunan negara.

Kemajuan dunia yang selari dengan perkembangan ilmu dan teknologi telah menjadikan peranan sektor pengajian tinggi semakin kritikal, katanya.

"Dalam konteks pembangunan negara, pembinaan modal insan berkemahiran dan berpengetahuan tinggi merupakan pelaburan terpenting yang menjadi teras kepada inovasi dan ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif," katanya.

Beliau berkata kejayaan Malaysia menjadi sebuah negara maju akan ditentukan oleh keupayaannya membekalkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi untuk memenuhi keperluan dalam industri-industri bersifat intensif ilmu.

"Maka dalam konteks ini, pelaburan dalam sektor pendidikan adalah faktor paling kritikal dalam melahirkan modal insan yang diperlukan untuk memacu kemajuan negara kita ke tahap seterusnya.

"Justeru dasar pembangunan modal insan negara pada masa kini bertumpu kepada usaha untuk melahirkan bakat atau 'talents' yang berilmu dan berkemahiran tinggi selaras dengan pelaksanaan Model Baharu Ekonomi dan Program Transformasi Ekonomi," katanya.

Dalam konteks itu, Muhyiddin berkata Pelan Pembangunan Modal Insan Inovatif peringkat tertiri diwujudkan untuk memacu ekonomi berasaskan inovasi dengan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi sebagai penggerak utama.

Seiring dengan matlamat itu, amat wajar bagi institusi-institusi pengajian tinggi tempatan menawarkan kursus-kursus baru yang relevan dengan dasar transformasi negara, khususnya dalam bidang-bidang berkaitan dengan 12 bidang ekonomi dunia negara, katanya.

"Akses juga perlu diperluaskan kepada kursus-kursus yang mempunyai rantai nilai ekonomi lebih tinggi seperti perbankan Islam, sains kesihatan, kejuruteraan termaju, sains dan inovasi serta hospitaliti dan pelancongan," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=656118>